

# SENDIRI MENANTI SYURGA

■ HKL kendali 200 kes ibu bapa dibuang setahun, 100 kes bagi rumah kebajikan

SOERANG warga tua disuapkan makanan di rumah kebajikan.

Metro 14/5/14 MS G



Oleh **Fuad Hadinata Yaacob**  
hadinata@hmetro.com.my  
**Kuala Lumpur**

**B**agai fenomena 'Tanggung Morden', segelintir anak membuang secara purata empat hingga enam ibu atau bapa dalam seminggu di hospital kerajaan atau rumah kebajikan.

Lebih menyedihkan ada warga tua ini langsung tidak dijenguk waris atau anak hingga mereka meninggal dunia dan dikebumikan tanpa pengetahuan serta kehadiran anak.

Ini menyebabkan hospital dan rumah kebajikan terutama di Lembah Klang tidak dapat menampung jumlah warga tua dibuang yang semakin meningkat.

Berdasarkan statistik, Jabatan Kerja Sosial Perubatan, Hospital Kuala Lumpur (HKL) secara purata mengendalikan hampir 200 kes ibu bapa dibuang setahun.



**HASNAH**

Statistik Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital Ampang, Mohiadin Bahado menunjukkan 35 kes warga emas dibuang anak mereka dikendalikan sehingga April tahun ini, 97

kes pada 2013 dan 56 kes pada 2012.

Pihak pengurusan rumah kebajikan di sekitar Lembah Klang yang ditemui Harian Metro pula memberitahu secara purata menerima 10 warga emas atau lebih 100 orang setahun.

Ketua Jabatan Kerja Sosial Perubatan HKL Hasnah Sulaiman berkata, jumlah kes ibu bapa dibuang anak dikendalikan pihaknya ialah 246 kes pada 2010, 2011 (210 kes), 2012 (126 kes) dan 2013 (198 kes).

"Untuk tempoh tiga bulan pertama tahun ini saja, sudah 49 kes ibu bapa ditinggalkan diserahkan kepada kami untuk dikendalikan," katanya.

Menurutnya, dalam kebanyakan kes, ibu bapa terbabit dihantar anak mereka untuk mendapatkan rawatan di hospital, namun apabila sudah sembuh, anak tidak datang mengambil mereka.

Dalam keadaan itu, kata beliau, doktor merujuk pesakit kepada pi-

haknya dan mereka berusaha mengesan waris melalui maklumat yang ada.

"Jika ada maklumat, kami hubungi keluarga dan ada yang bersetuju menerima ahli keluarga mereka ada juga tidak bersetuju disebabkan masalah keluarga seperti tidak mampu, bapa mereka tidak bertanggungjawab ketika muda, bapa kahwin dua atau lebih sehingga anak terabai dan pelbagai lagi.

"Apabila ahli keluarga enggan menerima atau kami tiada maklumat mengenai waris, pesakit dihantar ke rumah kebajikan yang dikhususkan untuk golongan tua," katanya ditemui pejabatnya baru-baru ini.

Menurutnya, ada kes bapa mempunyai lapan anak, tetapi tiada seorang pun mahu menjaganya.



**SEORANG** penghuni membaca al-Quran.

## BILANGAN KES YANG DIRUJUK KE JABATAN KERJA SOSIAL PERUBATAN DAN RUMAH KEBAJIKAN TERPILIH

| TAHUN   | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|------|------|------|------|------|
| Hospital Kuala Lumpur                           | 246  | 210  | 126  | 198  | 49   |
| Hospital Ampang                                 | 65   | 80   | 56   | 97   | 35   |
| Pusat Jagaan Al-Fikrah                          | -    | -    | 150  | 450  | 250  |
| Pusat Jagaan Nur Hasanah                        | 280  | 240  | 250  | 260  | 150  |
| Rumah Jagaan dan Rawatan<br>Orang Tua Al-Ikhlas | 230  | 260  | 240  | 250  | 160  |

**Antara faktor-faktor yang menyebabkan kes terdampar berlaku:**

- Dibuang keluarga
- Sebatang kara
- Balasan dendam anak-anak dan isteri
- Panas baran
- Tidak bertanggungjawab
- Terencat akal
- Kaki botol
- Masalah mental
- Rebut harta
- Kaki judi
- Kepala batu
- Kaki perempuan
- Pegangan agama yang longgar
- Tak mampu
- Menantu tak suka
- Hilang kasih sayang



**PENGHUNI** berehat di katil masing-masing di rumah kebajikan Al-Fikrah.



**PENGHUNI** dibantu sukarelawan ketika menjamu selera.

**SEORANG** penghuni mengambil wuduk apabila tibanya waktu solat.



**SEORANG** penghuni yang dipotong kaki menghabiskan masa dengan berehat.

“Ada juga kes beberapa anak bergaduh di depan Pegawai Kerja Sosial kerana masing-masing tidak mahu menjaga bapa mereka,” katanya.

Ketua Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital Ampang, Mohiadin Bahado berkata, melalui pengalamannya terdapat lima faktor menyebabkan anak tidak mahu menjaga ayah atau ibu mereka.

“Lima faktor itu ialah kurang kemampuan kewangan, konflik keluarga, hilang kasih sayang, balas dendam dan tiada pegangan agama.

“Apabila tiada kasih sayang atau hubungan anak dengan ibu bapa tidak rapat, ada anak seperti mahu membalas dendam terhadap bapa mereka,” katanya.

Pengasas Rumah Jagaan dan Rawatan

Orang Tua Al-Ikhlas, Puchong Muji Sulaiman berkata, sejak rumah kebajikan itu ditubuhkan pada 2003, pihaknya menguruskan lebih 600 penghuni kebanyakannya terdampar atau tiada waris.

Menurutnya, lebih 90 peratus penghuni rumah kebajikan itu tiada waris dan kebanyakannya dihantar hospital kerajaan dari seluruh negara.

“Kes pesakit terdampar ini semakin membimbangkan malah kebanyakan penghuni yang meninggal dunia di sini tiada waris dan kami menguruskan sehingga jenazah dikuburkan,” katanya.

Setiap bulan pihaknya menerima kira-kira 10 kes baru pesakit terdampar selain secara purata lapan penghuni meninggal dunia setiap bulan.

“Saya sedih kerana anak pada zaman kini tidak kenang budi. Jika ibu atau bapa melakukan kesilapan satu ketika dulu, fikir mengenai pengorbanan mereka ketika membesarkan kita,” katanya.

**FAKTA**

90 peratus penghuni Rumah Jagaan dan Rawatan Orang Tua Al-Ikhlas tiada waris



**PENGHUNI** menghabiskan masa dengan mendengar ceramah agama di rumah kebajikan Al-Fikrah.